



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**LAPORAN SURVEI  
PERBELANJAAN PERLINDUNGAN  
ALAM SEKITAR**

***REPORT ON THE SURVEY OF  
ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE***

**2021**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN SURVEI PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

## *REPORT ON THE SURVEY OF ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE*

# 2021

### **Pemakluman**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

### **Announcement**

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 until 31<sup>st</sup> December 2022 and the Annual Economic Survey (AES) 2022 from 15<sup>th</sup> April 2022 until 30<sup>th</sup> September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*Economic and social statistics publication namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022). Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

***Department of Statistics, Malaysia***

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

**MALAYSIA**

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook / Twitter / Instagram : StatsMalaysia

Emel / *Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)

data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data /  
*data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Jun 2022 / *Published on June 2022*

**Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.***

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

*No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.*

*Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:*

“*Source : Department of Statistics Malaysia.*”

**ISSN 2180-0480**

Laporan Survei Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2021 membentangkan statistik perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi tahun rujukan 2020. Sektor yang diliputi adalah Pertanian, perhutanan & perikanan; Perlombongan & pengkuarian; Pembuatan; Pembinaan dan Perkhidmatan. Konsep & definisi yang digunakan dalam survei ini adalah berdasarkan *Environmental Expenditure Statistics: Industry Data Collection Handbook 2005* oleh Eurostats; *Classification of Environmental Protection Activities and Expenditure (CEPA) 2000* oleh Statistical Office of the European Communities dan *Glossary of Statistical Terms* oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini meliputi perbelanjaan modal dan operasi bagi pengurusan pencemaran, pengurusan sisa, penilaian dan caj alam sekitar, perlindungan hidupan liar & habitat dan perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar. Statistik ini juga boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi dan membantu dalam merancang pembangunan perniagaan.

Penerbitan ini merangkumi tiga bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama & ringkasan penemuan perbelanjaan perlindungan alam sekitar. Jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian kedua, manakala bahagian ketiga pula menerangkan aspek teknikal antaranya skop & liputan, konsep & definisi serta pemboleh ubah utama yang digunakan bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh responden serta sumbangan semua pihak dalam menjayakan survei ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

**Jun 2022**

*The Report on the Survey of Environmental Protection Expenditure 2021 presents statistics on the environmental protection expenditure for the reference year 2020. Sectors covered comprised of Agriculture, forestry & fishing; Mining & quarrying; Manufacturing; Construction and Services. Concepts & definitions used in this survey is based on Environmental Expenditure Statistics: Industry Data Collection Handbook 2005 by Eurostats; Classification of Environmental Protection Activities and Expenditure (CEPA) 2000 by Statistical Office of the European Communities and Glossary of Statistical Terms by Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).*

*Statistics reported in this publication includes capital and operating expenditure for pollution management, waste management, environmental assessment and charges, protection of wildlife & habitat and other environmental protection expenditure. These statistics can be used by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals for planning and formulating policies, economic analysis and assisting in business development planning.*

*This publication consists of three parts. The first part presents the main findings & summary of findings on environmental protection expenditure. The detail statistical tables are showed in the second part, meanwhile the third part describes technical aspects such as scope and coverage, concepts & definitions as well as the key variables used to assist users to understand the published statistics.*

*The department gratefully acknowledges the co-operation rendered by the respondents as well as all parties who have contributed in making this survey a success. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.*

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

*Chief Statistician Malaysia*

**June 2022**

	<b>Muka surat</b> <i>Page</i>
<b>Kata pengantar</b> <i>Preface</i>	i
<b>Kandungan</b> <i>Contents</i>	iii
<b>Senarai jadual</b> <i>List of tables</i>	vii
<b>BAHAGIAN 1 : Penemuan utama &amp; ringkasan penemuan</b> <i>PART 1 : Main findings &amp; summary of findings</i>	3
<b>BAHAGIAN 2 : Jadual</b> <i>PART 2 : Tables</i>	35
<b>BAHAGIAN 3 : Nota teknikal</b> <i>PART 3 : Technical notes</i>	75
<b>Lampiran</b> <i>Appendix</i>	99

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*



# Senarai Jadual

---

*List of Tables*

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*

Jadual <i>Table</i>	Senarai jadual <i>List of tables</i>	Muka surat <i>Page</i>
------------------------	---	---------------------------

**A**

**Siri Masa Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar**  
*Time Series on Environmental Protection Expenditure*

<b>1</b>	<b>Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2015-2020</b> <i>Environmental protection expenditure by sector, 2015-2020</i>	35
<b>1.1</b>	<b>Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2015-2020</b> <i>Capital expenditure on environmental protection by sector, 2015-2020</i>	36
<b>1.2</b>	<b>Perbelanjaan operasi perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2015-2020</b> <i>Operating expenditure on environmental protection by sector, 2015-2020</i>	37

**B**

**Statistik Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar Mengikut Negeri**  
*Statistics on Environmental Protection Expenditure by State*

<b>2</b>	<b>Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri dan jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Environmental protection expenditure by state and type of expenditure, 2020</i>	41
<b>2.1</b>	<b>Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar mengikut negeri dan jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Capital expenditure on environmental protection by state and type of expenditure, 2020</i>	42
<b>2.2</b>	<b>Perbelanjaan operasi perlindungan alam sekitar mengikut negeri dan jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Operating expenditure on environmental protection by state and type of expenditure, 2020</i>	43

**C**

**Statistik Jumlah Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar**  
*Statistics on Total Environmental Protection Expenditure*

<b>3</b>	<b>Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor dan jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Environmental protection expenditure by sector and type of expenditure, 2020</i>	47
<b>3.1</b>	<b>Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar mengikut sektor dan jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Capital expenditure on environmental protection by sector and type of expenditure, 2020</i>	48
<b>3.2</b>	<b>Perbelanjaan operasi perlindungan alam sekitar mengikut sektor dan jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Operating expenditure on environmental protection by sector and type of expenditure, 2020</i>	49

Jadual Table	Senarai jadual List of tables	Muka surat Page
4	<b>Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor dan pecahan perbelanjaan, 2020</b> <i>Environmental protection expenditure by sector and share of expenditure, 2020</i>	50

### D

#### Statistik Perbelanjaan untuk Pengurusan Pencemaran *Statistics on Expenditure for Pollution Management*

5	<b>Perbelanjaan untuk pengurusan pencemaran mengikut sektor dan aktiviti, 2020</b> <i>Expenditure for pollution management by sector and activity, 2020</i>	53
5.1	<b>Perbelanjaan modal untuk pengurusan pencemaran mengikut sektor dan aktiviti, 2020</b> <i>Capital expenditure for pollution management by sector and activity, 2020</i>	54
5.2	<b>Perbelanjaan operasi untuk pengurusan pencemaran mengikut sektor dan aktiviti, 2020</b> <i>Operating expenditure for pollution management by sector and activity, 2020</i>	55
6	<b>Perbelanjaan untuk pengurusan pencemaran mengikut sektor dan jenis media, 2020</b> <i>Expenditure for pollution management by sector and type of media, 2020</i>	56
6.1	<b>Perbelanjaan modal untuk pengurusan pencemaran mengikut sektor dan jenis media, 2020</b> <i>Capital expenditure for pollution management by sector and type of media, 2020</i>	57
6.2	<b>Perbelanjaan operasi untuk pengurusan pencemaran mengikut sektor dan jenis media, 2020</b> <i>Operating expenditure for pollution management by sector and type of media, 2020</i>	58

### E

#### Statistik Perbelanjaan untuk Pengurusan Sisa *Statistics on Expenditure for Waste Management*

7	<b>Perbelanjaan pengurusan sisa mengikut sektor dan jenis sisa, 2020</b> <i>Waste management expenditure by sector and type of waste, 2020</i>	61
7.1	<b>Perbelanjaan modal pengurusan sisa mengikut sektor dan jenis sisa, 2020</b> <i>Capital expenditure on waste management by sector and type of waste, 2020</i>	62
7.2	<b>Perbelanjaan operasi pengurusan sisa mengikut sektor dan jenis sisa, 2020</b> <i>Operating expenditure on waste management by sector and type of waste, 2020</i>	63

<b>Jadual Table</b>	<b>Senarai jadual List of tables</b>	<b>Muka surat Page</b>
7.3	<b>Perbelanjaan pengurusan sisa terjadual mengikut sektor dan jenis sisa, 2020</b> <i>Scheduled waste management expenditure by sector and type of waste, 2020</i>	64
<b>F</b> <b>Statistik Perbelanjaan untuk Penilaian dan Caj Alam Sekitar</b> <i>Statistics on Expenditure for Environmental Assessment and Charges</i>		
8	<b>Perbelanjaan penilaian dan caj alam sekitar mengikut sektor, 2020</b> <i>Environmental assessment and charges expenditure by sector, 2020</i>	67
<b>G</b> <b>Statistik Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar Mengikut Jenis Perbelanjaan</b> <i>Statistics on Environmental Protection Expenditure by Type of Expenditure</i>		
9	<b>Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, 2020</b> <i>Environmental protection expenditure by type of expenditure, 2020</i>	71

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*

# Penemuan Utama & Ringkasan Penemuan

---

*Main Findings &  
Summary of Findings*

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*






# PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

## PENEMUAN UTAMA

1

Data siri masa



Kadar pertumbuhan tahunan (RM juta)

2

Statistik mengikut sektor

Pertanian, perhutanan & perikanan



2020 : 34.9 ▲ 6.9%  
2019 : 32.7

Perlombongan & pengkuarian



2020 : 100.4 ▲ 4.3%  
2019 : 96.3

Pembuatan



2020 : 2,382.4 ▲ 9.2%  
2019 : 2,181.3

Pembinaan



2020 : 88.4 ▼ 45.2%  
2019 : 161.2

Perkhidmatan



2020 : 366.7 ▼ 11.4%  
2019 : 413.8

3

Statistik mengikut jenis perbelanjaan

Pengurusan pencemaran

▲ 4.1%  
2020 : 2,103.7  
2019 : 2,021.2



Pengurusan sisa

▲ 2.0%  
2020 : 766.8  
2019 : 751.7



Penilaian dan caj alam sekitar

▲ 3.5%  
2020 : 67.2  
2019 : 64.9




Perlindungan hidupan liar & habitat

▲ 181.7%  
2020 : 18.0  
2019 : 6.4



Perbelanjaan lain

▼ 58.1%  
2020 : 17.2  
2019 : 41.0



▲ Kadar pertumbuhan tahunan  
▼ Kadar pertumbuhan tahunan




# ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE

## MAIN FINDINGS

1

### Time series data



2

### Statistics by sector

#### Agriculture, forestry & fishing




2020 : 34.9  
2019 : 32.7 ▲ 6.9%



Mining & quarrying  
2020 : 100.4  
2019 : 96.3 ▲ 4.3%



Manufacturing  
2020 : 2,382.4  
2019 : 2,181.3 ▲ 9.2%



Construction  
2020 : 88.4  
2019 : 161.2 ▼ 45.2%




Services  
2020 : 366.7  
2019 : 413.8 ▼ 11.4%

3

### Statistics by type of expenditure

#### Pollution management

▲ 4.1%  
2020 : 2,103.7  
2019 : 2,021.2



#### Waste management

▲ 2.0%  
2020 : 766.8  
2019 : 751.7



#### Environmental assessment and charges

▲ 3.5%  
2020 : 67.2  
2019 : 64.9




#### Protection of wildlife & habitat

▲ 181.7%  
2020 : 18.0  
2019 : 6.4



#### Other expenditure

▼ 58.1%  
2020 : 17.2  
2019 : 41.0



▲ Annual growth rate  
▼ Annual growth rate

## 1. PENGENALAN

Laporan ini membentangkan statistik yang dijana daripada Survei Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar yang dijalankan pada 2021 bagi tahun rujukan 2020. Sektor yang diliputi dalam survei ini ialah:


- a. Pertanian, perhutanan & perikanan;
- b. Perlombongan & pengkuarian;
- c. Pembuatan;
- d. Pembinaan; dan
- e. Perkhidmatan.

## 2. PRESTASI KESELURUHAN

Penularan COVID-19 pada tahun 2020 telah mengubah landskap sosio-ekonomi dunia secara keseluruhan termasuk Malaysia dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merekodkan pertumbuhan negatif 5.5 peratus (2019: 4.4%). Dalam usaha membendung penularan virus ini, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana hanya sektor perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dibenarkan beroperasi dan secara tidak langsung turut memberi kesan terhadap perbelanjaan perlindungan alam sekitar oleh industri di Malaysia.


Perbelanjaan perlindungan alam sekitar pada tahun 2020 mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 3.0 peratus dengan nilai RM2,972.8 juta. Perbelanjaan operasi kekal mendominasi perbelanjaan perlindungan alam sekitar dengan sumbangan sebanyak 74.4 peratus dan merekodkan kadar pertumbuhan tahunan positif iaitu 9.1 peratus kepada RM2,211.4 juta. Manakala, perbelanjaan modal menyumbang sebanyak 25.6 peratus atau RM761.4 juta, mencatatkan kadar pertumbuhan negatif 11.3 peratus.

### Paparan 1: Jumlah perbelanjaan perlindungan alam sekitar, 2019 dan 2020



Walaupun ekonomi Malaysia menguncup pada tahun 2020 ekoran penularan COVID-19, perbelanjaan perlindungan alam sekitar mencatatkan pertumbuhan positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.0 peratus berbanding tahun sebelumnya.

**Carta 1: Siri masa perbelanjaan perlindungan alam sekitar, Malaysia (2015-2020)\***




\*Nota: Survei ini tidak dilaksanakan pada tahun 2017 bagi tahun rujukan 2016. Kadar pertumbuhan tahunan 2017 merujuk kepada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR).

### 3. PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

Perbelanjaan pengurusan pencemaran dan perbelanjaan pengurusan sisa merupakan perbelanjaan utama yang dibuat oleh industri di Malaysia dengan kedua-dua perbelanjaan ini mendominasi hampir 97.0 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2020. Perbelanjaan pengurusan pencemaran direkodkan sebanyak RM2,103.7 juta atau sumbangan sebanyak 70.8 peratus manakala perbelanjaan pengurusan sisa pula direkodkan sebanyak RM766.8 juta dengan sumbangan sebanyak 25.8 peratus. Tiga lagi perbelanjaan yang dibuat bagi tujuan perlindungan alam sekitar adalah perbelanjaan penilaian dan caj alam sekitar (RM67.2 juta; 2.3%), perbelanjaan perlindungan hidupan liar & habitat (RM18.0 juta; 0.6%) dan perbelanjaan lain (RM17.2 juta; 0.6%). **[Paparan 2]**


**Paparan 2: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, 2020**



Penyumbang terbesar dalam perbelanjaan pengurusan pencemaran ialah peredaan & kawalan pencemaran dengan sumbangan sebanyak 81.4 peratus (RM1,713.1 juta). Ini diikuti aktiviti pengawasan alam sekitar dan pencegahan pencemaran dengan sumbangan masing-masing 13.0 dan 5.1 peratus.

Perbelanjaan pengurusan pencemaran mengikut media pula, 66.6 peratus daripadanya dibelanjakan bagi media air permukaan iaitu sebanyak RM1,400.2 juta dan 30.6 peratus dibelanjakan bagi media udara (RM644.0 juta). Manakala selebihnya pula dibelanjakan bagi media bunyi bising dan air bawah tanah masing-masing sebanyak RM36.8 juta (1.8%) dan RM22.6 juta (1.1%).

**Paparan 3: Perbelanjaan pengurusan pencemaran mengikut aktiviti dan media, 2020**



#### 4. PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MENGIKUT SEKTOR


Sektor Pembuatan menyumbang sebahagian besar perbelanjaan perlindungan alam sekitar yang dibuat pada tahun 2020 dengan nilai perbelanjaan sebanyak RM2,382.4 juta atau sumbangan sebanyak 80.1 peratus. Di samping itu, sektor Perkhidmatan pula merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan perbelanjaan sebanyak RM366.7 juta atau 12.3 peratus. Manakala bagi sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembinaan dan Pertanian, perhutanan & perikanan pula masing-masing merekodkan perbelanjaan sebanyak RM100.4 juta (3.4%), RM88.4 juta (3.0%) dan RM34.9 juta (1.2%). Berdasarkan prestasi siri masa dari tahun 2015 sehingga 2020, sektor Pembuatan kekal mendominasi perbelanjaan perlindungan alam sekitar dengan purata sumbangan sebanyak 72.8 peratus.

Paparan 4: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2020



Pengurusan pencemaran merupakan perbelanjaan utama bagi semua sektor pada 2020 kecuali sektor Perkhidmatan. Sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan perbelanjaan pengurusan pencemaran sebanyak 77.0 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan, Pembuatan (75.7%) dan Pembinaan (73.3%). Perbelanjaan pengurusan sisa pula merupakan perbelanjaan kedua terbesar bagi semua sektor kecuali Pertanian, perhutanan & perikanan. Perbelanjaan kedua terbesar bagi sektor Pertanian, perhutanan & perikanan adalah perbelanjaan perlindungan hidupan liar & habitat sebanyak 26.7 peratus. **[Carta 2]**

Carta 2: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2020



### 5. PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MENGIKUT NEGERI

Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri didominasi oleh Johor dengan RM808.8 juta atau sumbangan sebanyak 27.2 peratus. Ini diikuti oleh Selangor dengan RM530.4 juta (17.8%) dan Terengganu dengan RM236.4 juta (8.0%). Perbelanjaan oleh tiga negeri ini menyumbang kepada 53.0 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan yang direkodkan pada 2020.

Paparan 5: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar dan peratus sumbangan mengikut negeri, 2020

RM juta   % sumbangan		MALAYSIA		RM2,972.8 juta	
	Johor	808.8   27.2		109.5   3.7	Sabah
	Selangor	530.4   17.8		106.2   3.6	Melaka
	Terengganu	236.4   8.0		95.8   3.2	Kedah
	Sarawak	235.6   7.9		84.6   2.8	Negeri Sembilan
	W.P. Kuala Lumpur	224.0   7.5		28.9   1.0	Kelantan
	Pulau Pinang	211.5   7.1		6.3   0.2	Perlis
	Pahang	170.3   5.7		1.4   0.0	W.P. Labuan
	Perak	122.6   4.1		0.5   0.0	W.P. Putrajaya

### PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DI KALA PANDEMIK

Fuziah Md. Amin, Syed Ibrahim Mohd Jamaluddin, Nazira Abdullah, Mahadi Mohd Nor, Nurul Asmahusna Asari  
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

#### PENGENALAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar kepada semua pemain industri di Malaysia lantaran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19. Situasi sukar yang dihadapi oleh pemain industri telah memberi kesan kepada hasil pengeluaran dan sebahagian industri menghadapi kekurangan tenaga pekerja manakala sebahagian yang lain mengambil langkah yang lebih drastik dengan mengurangkan tenaga kerja demi meneruskan kelangsungan syarikat. Pandemik ini menyebabkan kadar pengangguran melonjak kepada 4.5 peratus buat pertama kali selepas tiga dekad (1990: 4.5%). Secara amnya, syarikat meneliti perbelanjaan mereka bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka ketika pandemik.

#### KESAN COVID-19 KE ATAS PERBELANJAAN MODAL


Perbelanjaan perlindungan alam sekitar (PPAS) bagi tahun rujukan 2020 merekodkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.0 peratus, lebih perlahan dari pertumbuhan yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan operasi sebanyak 9.1 peratus, manakala perbelanjaan modal pula menunjukkan penurunan sebanyak 11.3 peratus. Perbelanjaan operasi bagi perlindungan alam sekitar secara amnya meliputi perbelanjaan bagi memenuhi keperluan perundangan berkaitan alam sekitar dan perlu dipatuhi selagi sesuatu pertubuhan itu masih beroperasi. Walau bagaimanapun, semasa kesuraman ekonomi akibat pandemik, pemain industri turut menghadkan perbelanjaan modal bagi perlindungan alam sekitar dan senario ini seiring dengan statistik pembentukan modal tetap kasar (PTMK) oleh sektor swasta yang menyusut sebanyak 12.0 peratus pada tahun 2020 (harga semasa), iaitu penyusutan terbesar semenjak Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup> Penerbitan KDNK Tahunan 2015-2021



**Carta 1: Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar, 2015-2020**



Nota: Survei PPAS tidak dilaksanakan pada tahun 2017 bagi tahun rujukan 2016. Kadar pertumbuhan tahunan 2017 merujuk kepada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR).

**Carta 2: PTMK sektor swasta pada harga semasa, 2016-2020**



## PRESTASI PPAS OLEH SEKTOR PEMBUATAN

Secara umumnya, sektor Pembuatan merupakan salah satu pemacu utama bagi PPAS pada tahun 2020 dengan pertumbuhan sebanyak 9.2 peratus (2019: 19.8%). Dari segi sumbangan, sektor ini menyumbang 80.1 peratus kepada keseluruhan PPAS di Malaysia. Empat subsektor utama dalam PPAS sektor Pembuatan ialah produk petroleum bertapis, minyak sawit mentah, sebatian bukan organik serta sarung tangan getah.

PPAS bagi subsektor Pembuatan sarung tangan getah menunjukkan peningkatan yang ketara selari dengan situasi pandemik yang melanda negara. Industri ini membuat perbelanjaan perlindungan alam sekitar sekitar 2.3 kali lebih tinggi daripada tahun sebelumnya, dengan sumbangan sebanyak 5.9 peratus daripada keseluruhan sektor Pembuatan. Eksport sarung tangan getah meningkat dengan ketara sebanyak 104.5 peratus kepada RM35.9 bilion pada 2020 (2019 RM17.6 bilion) berbanding dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 9.8 peratus bagi tempoh 2016 hingga 2019.<sup>2</sup> [Jadual 1]

<sup>2</sup> Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri, 2022


Jadual 1: PPAS mengikut subsektor Pembuatan, 2019 dan 2020

Subsektor Pembuatan	Jumlah PPAS (RM juta)		Sumbangan (%)		Kedudukan	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Produk petroleum bertapis	312.2	438.9	10.9	14.7	2	1
Minyak sawit mentah	382.4	312.0	13.3	10.5	1	2
Sebatian bukan organik	130.3	239.1	4.5	8.0	3	3
Sarung tangan getah	77.2	175.3	2.7	5.9	7	4
Diod, transistor dan alatan semikonduktor yang seumpamanya	123.3	141.3	4.3	4.7	4	5
Kimia organik asas	55.9	130.9	1.9	4.4	8	6
Plastik dalam bentuk primer	78.8	118.3	2.7	4.0	5	7
Kepingan venier dan papan lapis	39.7	42.1	1.4	1.4	16	8
Produk kaca lain	48.5	37.3	1.7	1.2	9	9
Produk kimia lain	32.8	29.6	0.8	1.0	20	10

### PRESTASI PPAS OLEH SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian turut merekodkan peningkatan PPAS dengan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus kepada RM34.9 juta. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan perbelanjaan modal yang ketara, manakala perbelanjaan operasi pula merekodkan penurunan sebanyak 18.7 peratus. Namun begitu, perbelanjaan operasi masih lagi penyumbang utama iaitu 67.3 peratus manakala sumbangan perbelanjaan modal adalah 32.7 peratus. Peningkatan perbelanjaan modal adalah disokong oleh subsektor tanaman kelapa sawit. Sektor Pertanian merupakan antara sektor yang menyokong pertumbuhan ekonomi semasa tempoh pandemik di samping sektor Pembuatan berikutan peningkatan harga komoditi. Purata harga minyak sawit mentah bagi tahun 2020 meningkat 30.5 peratus kepada RM2,765 per tan (harga purata 2019: RM2,119) seperti yang dilaporkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). **[Carta 3]**


Carta 3: PPAS sektor Pertanian, 2014-2020



**PRESTASI PPAS SEKITAR OLEH SEKTOR PEMBINAAN**

Sektor Pembinaan menunjukkan penguncupan terbesar bagi PPAS pada tahun 2020 iaitu sebanyak 45.2 peratus kepada RM88.4 juta (2019: RM161.2 juta). Secara purata, sumbangan sektor ini kepada keseluruhan PPAS dari 2015 sehingga 2019 adalah sekitar 7.0 peratus dan telah menyusut kepada 3.0 peratus pada tahun 2020. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), nilai projek pembinaan yang dianugerahkan jatuh 42.0 peratus kepada RM55.3 bilion bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020 berbanding RM94.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Anggaran kerugian yang dialami oleh industri pembinaan tempoh 18 Mac (ketika Perintah Kawalan Pergerakan bermula) hingga 14 April 2020 adalah RM11.6 bilion dan RM6.9 bilion lagi direkodkan berikutan pembukaan semula 13 subsektor dari 15 April hingga 1 Mei 2020<sup>3</sup>.

Carta 4: PPAS sektor Pembinaan, 2014-2020




<sup>3</sup> <https://www.sinarharian.com.my/article/115841/BERITA/Nasional/Covid-19-tinggalkan-kesan-berpanjangan-ke-atas-industri-pembinaan>

**PRESTASI PPAS OLEH SEKTOR PERKHIDMATAN**

Di samping itu, PPAS oleh sektor Perkhidmatan turut mencatatkan penurunan sebanyak 11.4 peratus kepada RM366.7 juta berbanding RM413.8 juta pada 2019. Penurunan ini didorong oleh penyusutan komponen perbelanjaan modal di mana pada tahun 2019, perbelanjaan modal bagi sektor Perkhidmatan telah melonjak hampir empat kali ganda kepada RM181.8 juta (sumbangan 21.2%) berbanding RM49.1 juta (sumbangan 6.8%) pada 2018. Walau bagaimanapun, perbelanjaan operasi bagi tujuan perlindungan alam sekitar mencatatkan peningkatan 13.3 peratus kepada RM262.8 juta berbanding negatif 5.2 peratus (RM232.0 juta) pada tahun sebelumnya.

**Carta 5: PPAS sektor Perkhidmatan, 2014-2020**




Walaupun bagaimanapun, PPAS bagi aktiviti rawatan dan pelupusan sisa menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan nilai perbelanjaan berjumlah RM162.7 juta (2019: RM155.1 juta), bertumbuh sebanyak 4.9 peratus. Menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS), sebanyak 7,185.2 ribu tan metrik buangan terjadual telah dihasilkan pada 2020, meningkat 79.0 peratus berbanding 4,013.2 ribu tan metrik yang dilaporkan pada 2019<sup>4</sup>. Penularan COVID-19 pada tahun 2020 turut menyaksikan 20.0 peratus peningkatan buangan klinikal daripada fasiliti kesihatan dan juga pusat kuarantin COVID-19 yang diwartakan oleh kerajaan yang dikategorikan sebagai buangan terjadual<sup>5</sup>.

**[Carta 6]**

<sup>4</sup> Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2021

<sup>5</sup> <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sisa-klinikal-negara-meningkat-20-peratus-sejak-covid19-melanda-266542>

Carta 6: PPAS oleh aktiviti rawatan dan pelupusan sisa, 2015-2020




### PRESTASI PPAS MENGIKUT NEGERI

Johor merupakan penyumbang terbesar PPAS di Malaysia dengan sumbangan sebanyak 27.2 peratus (2019: 23.5%), diikuti oleh Selangor dengan 17.8 peratus (2019: 18.8%), di mana PPAS bagi kedua-dua negeri ini didominasi oleh sektor Pembuatan. Perbelanjaan tertinggi yang direkodkan di Johor adalah dalam aktiviti pembuatan produk petroleum bertapis dengan sumbangan 42.4 peratus kepada sektor Pembuatan di Johor. Selangor pula merekodkan aktiviti pembuatan sarung tangan sebagai penyumbang utama dengan sumbangan 29.3 peratus kepada sektor Pembuatan di Selangor. Sementara itu, Terengganu memperbaiki kedudukan iaitu di tempat ketiga berbanding tempat kelapan pada tahun 2019 didorong oleh peningkatan perbelanjaan modal dalam subsektor Pembuatan sebatian bukan organik, pembuatan minyak sawit mentah dan pembuatan kimia organik asas. **[Jadual 2] [Paparan 7]**

Jadual 2: PPAS Mengikut Negeri, 2019 dan 2020

Negeri	PPAS (RM '000)		Kadar pertumbuhan tahunan (%)	Sumbangan (%)		Kedudukan	
	2019	2020		2019	2020	2019	2020
JOHOR	678,474	808,783	19.2	23.5	27.2	1	1
SELANGOR	543,455	530,436	(2.4)	18.8	17.8	2	2
TERENGGANU	126,597	236,448	86.8	4.4	8.0	8	3
SARAWAK	251,732	235,613	(6.4)	8.7	7.9	4	4
W. P. KUALA LUMPUR	292,570	223,988	(23.4)	10.1	7.5	3	5
PULAU PINANG	177,632	211,486	19.1	6.2	7.1	6	6
PAHANG	155,698	170,315	9.4	5.4	5.7	7	7
PERAK	93,303	122,630	31.4	3.2	4.1	10	8
SABAH	249,863	109,520	(56.2)	8.7	3.7	5	9
MELAKA	83,447	106,161	27.2	2.9	3.6	12	10
KEDAH	113,265	95,790	(15.4)	3.9	3.2	9	11
NEGERI SEMBILAN	91,805	84,634	(7.8)	3.2	2.8	11	12
KELANTAN	10,650	28,912	303.5	0.4	1.0	14	13
PERLIS	15,392	6,258	(59.3)	0.5	0.2	13	14
W.P.LABUAN	1,144	1,366	19.4	0.0	0.1	15	15
W.P.PUTRAJAYA	232	462	99.0	0.0	0.0	16	16

Carta 7: PPAS mengikut negeri, 2020



**KESIMPULAN**

Kesimpulannya, komitmen pemain industri terhadap kelestarian alam sekitar perlu diberi perhatian yang jelas kerana interaksi antara industri dan alam sekitar adalah cerminan kepada pembangunan ekonomi yang mampan. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), salah satu cabaran yang dihadapi dalam tempoh pelaksanaan RMKe-11 ialah amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan di mana kebanyakan sektor ekonomi di Malaysia mengamalkan ekonomi linear yang kurang cekap dalam penggunaan sumber dan seterusnya menghasilkan jumlah sisa yang tinggi. Amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan ini menjejaskan alam sekitar dan daya tahan ekonomi dalam jangka panjang dan memerlukan kos pembersihan dan mitigasi yang tinggi. Kerajaan Malaysia terus komited dalam memastikan kesihatan bumi dan kualiti hidup yang lebih baik, meningkatkan daya tahan negara serta memulihara dan melindungi alam sekitar untuk generasi masa kini dan yang akan datang melalui agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan melalui pendekatan keseluruhan negara.

**PENAFIAN**

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

**PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Pn. Nazaria Baharudin atas sumbangan beliau dalam penyediaan artikel ini.

### 1. INTRODUCTION

This report presents findings from the Environmental Protection Expenditure Survey conducted in 2021 for the reference year 2020. The sectors covered in this survey are:


- a. Agriculture, forestry & fishing;
- b. Mining & quarrying;
- c. Manufacturing;
- d. Construction; and
- e. Services.

### 2. OVERALL PERFORMANCE

The outbreak of COVID-19 in 2020 has changed the world socio-economic landscape as a whole including Malaysia whereby the Gross Domestic Product (GDP) recorded a negative growth of 5.5 per cent (2019: 4.4%). In order to control the spread of this virus, the government has implemented Movement Control Order (MCO) in which only essential services were allowed to operate and this has indirectly affected the industry's environmental protection expenditure in Malaysia.

Environmental protection expenditure recorded an annual growth rate of 3.0 per cent in 2020 with a value of RM2,972.8 million. The operating expenditure remained the main contributor with 74.4 per cent share and recorded a positive growth of 9.1 per cent to RM2,211.4 million. On the other hand, capital expenditure accounted for 25.6 per cent share at RM761.4 million, registering a negative growth of 11.3 per cent.


**Exhibit 1: Environmental protection expenditure, 2019 and 2020**





As Malaysia's economy contracted in 2020 due to the COVID-19 outbreak, the environmental protection expenditure showed positive growth, albeit at a slower rate of 3.0 per cent as compared to the previous year.

**Chart 1: Time series of the environmental protection expenditure, Malaysia (2015-2020)\***




\*Note: This survey is not conducted in 2017 for reference year 2016. Annual growth rate for 2017 refers to compounded annual growth rate (CAGR)

### 3. ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE BY TYPE OF EXPENDITURE

Pollution management and waste management expenditure were the major expenditure incurred by Malaysian industries with both expenses dominating nearly 97.0 per cent of the total expenditure in 2020. Pollution management expenditure was RM2,103.7 million or a contribution of 70.8 per cent while waste management expenditure amounted at RM766.8 million with a contribution of 25.8 per cent. The other three expenditures made for environmental protection purposes were environmental assessment and charges (RM67.2 million; 2.3%), protection of wildlife & habitat (RM18.0 million; 0.6%) and other expenditures (RM17.2 million; 0.6%). **[Exhibit 2]**


**Exhibit 2: Environmental protection expenditure by type of expenditure, 2020**



The largest contributor in pollution management expenditure was pollution abatement & control with a share of 81.4 per cent (RM1,713.1 million). This was followed by the environmental monitoring and pollution prevention activities with a share of 13.0 and 5.1 per cent respectively.

As for pollution management expenditure by media, 66.6 per cent was spent on surface water media amounted to RM1,400.2 million and 30.6 per cent on air media (RM644.0 million). The remaining was spent on noise and groundwater media of RM36.8 million (1.8%) and RM22.6 million (1.1%) respectively.


**Exhibit 3: Pollution management expenditure by activities and media, 2020**



#### 4. ENVIRONMENTAL EXPENDITURE BY SECTOR


The Manufacturing sector contributed most of the environmental protection expenditure made in 2020 with a spending value of RM2,382.4 million or a contribution of 80.1 per cent while the Services sector was the second highest contributor with a spending of RM366.7 million or 12.3 per cent. Meanwhile, Mining & quarrying, Construction and Agriculture, forestry & fishing recorded RM100.4 million (3.4%), RM88.4 million (3.0%) and RM34.9 million (1.2%) respectively. Based on the time series trend from 2015 to 2020, the Manufacturing sector remains to dominate environmental protection expenditure with an average contribution of 72.8 per cent.

**Exhibit 4: Environmental protection expenditure by sector, 2020**



Pollution management is the main expenditure in 2020 for all sectors except the Services sector. The Mining & quarrying sector recorded pollution management expenditure of 77.0 per cent of the total expenditure, Manufacturing (75.7%) and Construction (73.3%). On the other hand, waste management expenditure was the second largest expenditure for all sectors except for Agriculture, forestry & fishing. The second largest expenditure for the Agriculture, forestry & fishing sector was wildlife & habitat protection expenditure at 26.7 per cent. **[Chart 2]**

















**Chart 2: Environmental protection expenditure by sector, 2020**



## 5. ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE BY STATE

Environmental protection expenditure by state is dominated by Johor with RM808.8 million or a contribution of 27.2 per cent. This was followed by Selangor with RM530.4 million (17.8%) and Terengganu with RM236.4 million (8.0%). Spending by these three states accounted for 53.0 per cent of the total expenditure in 2020.

**Exhibit 5: Environmental protection expenditure and contribution percentage by state, 2020**

RM million   % contribution		MALAYSIA		RM2,972.8 million	
	Johor	808.8   27.2		109.5   3.7	Sabah 
	Selangor	530.4   17.8		106.2   3.6	Melaka 
	Terengganu	236.4   8.0		95.8   3.2	Kedah 
	Sarawak	235.6   7.9		84.6   2.8	Negeri Sembilan 
	W.P. Kuala Lumpur	224.0   7.5		28.9   1.0	Kelantan 
	Pulau Pinang	211.5   7.1		6.3   0.2	Perlis 
	Pahang	170.3   5.7		1.4   0.0	W.P. Labuan 
	Perak	122.6   4.1		0.5   0.0	W.P. Putrajaya 

## **ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE AMIDST PANDEMIC**

*Fuziah Md. Amin, Syed Ibrahim Mohd Jamaluddin, Nazira Abdullah, Mahadi Mohd Nor, Nurul Asmahusna Asari  
Agriculture and Environment Statistics Division*

### **INTRODUCTION**

*The year 2020 is a challenging year for all industry players in Malaysia due to the implementation of the Movement Control Order (MCO) in an effort to curb the spread of COVID-19. The difficulties faced by industry players have impacted their production output and several industries have encountered labour shortages meanwhile others took extra measures by reducing their workforce to sustain the viability of the companies. This pandemic caused the unemployment rate to reach 4.5 per cent for the first time after three decades (1990: 4.5%). In general, the companies scrutinised their expenditure to ensure sustainability of their businesses during the pandemic.*


### **THE IMPACT OF COVID-19 ON CAPITAL EXPENDITURE**

*Environmental protection expenditure (EPE) for the reference year 2020 recorded a moderate growth of 3.0 per cent, slower than the growth recorded in the previous year. This growth was driven by operating expenditure of 9.1 per cent, while capital expenditure showed a decline of 11.3 per cent. The operating expenditure for environmental protection generally includes expenses to meet legal requirements related to the environment and must be complied with as long as the company is still operating. However, during the economic downturn due to pandemic, industry players were also limiting their capital spending for environmental protection and this scenario was in line with the statistics of the private sector gross fixed capital formation (GFCF) which declined by 12.0 per cent in 2020 (current prices), the largest decline since the Asian Financial Crisis in 1998<sup>1</sup>.*

---


<sup>1</sup> Annual GDP 2015-2021 Publication

**Chart 1: Capital expenditure on environmental protection, 2015-2020**



Note: EPE survey was not conducted in 2017 for reference year 2016. Annual growth rate for 2017 refers to compounded annual growth rate (CAGR)

**Chart 2: Private sector GFCF at current prices, 2016-2020**



### PERFORMANCE OF EPE BY MANUFACTURING SECTOR

In general, the Manufacturing sector was one of the main drivers for the EPE in 2020 with a growth of 9.2 per cent (2019: 19.8%). In terms of contribution, this sector contributed 80.1 per cent to overall Malaysia’s EPE. Four main subsectors in Manufacturing’s EPE in were refined petroleum products, crude palm oil, inorganic compounds as well as rubber gloves.

The EPE for rubber gloves Manufacturing subsector showed a significant increase in line with the pandemic situation that hit the country. This subsector makes environmental protection spending 2.3 times higher than the previous year, with a contribution of 5.9 per cent from overall Manufacturing sector. The rubber gloves exports remarkably grew at 104.5 per cent to RM35.9 billion in 2020 (2019: RM17.6 billion) as compared to average annual growth of 9.8 per cent for the period of 2016 to 2019.<sup>2</sup> [Table 1]

<sup>2</sup> Malaysia External Trade Statistics by State, 2022


Table 1: EPE by Manufacturing subsectors, 2019 and 2020

Manufacturing subsector	Total EPE (RM million)		Share (%)		Ranking	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
<b>Refined petroleum products</b>	312.2	438.9	10.9	14.7	2	1
<b>Crude palm oil</b>	382.4	312.0	13.3	10.5	1	2
<b>Inorganic compounds</b>	130.3	239.1	4.5	8.0	3	3
<b>Rubber gloves</b>	77.2	175.3	2.7	5.9	7	4
<b>Diodes, transistors and similar semiconductor devices</b>	123.3	141.3	4.3	4.7	4	5
<b>Basic organic chemistry</b>	55.9	130.9	1.9	4.4	8	6
<b>Plastics in primary form</b>	78.8	118.3	2.7	4.0	5	7
<b>Veneer sheets and plywood</b>	39.7	42.1	1.4	1.4	16	8
<b>Other glass products</b>	48.5	37.3	1.7	1.2	9	9
<b>Other chemical products</b>	32.8	29.6	0.8	1.0	20	10

### PERFORMANCE OF EPE BY AGRICULTURE SECTOR

The Agriculture sector also recorded an increase in EPE with a growth of 6.9 per cent to RM34.9 million. This growth was driven by a significant increase in capital expenditure, while operating expenditure recorded a decrease of 18.7 per cent. Nevertheless, operating expenditure was still the major contributor at 67.3 per cent while the contribution of capital expenditure was 32.7 per cent. The increase in capital expenditure was mainly supported by the oil palm subsector. The Agriculture sector was among the sectors that supported economic growth during the pandemic period besides the Manufacturing sector following the increase in commodity prices. The average crude palm oil prices for year 2020 rose 30.5 per cent to RM2,765 per tonne (average price 2019: RM2,119) as reported by Malaysia Palm Oil Board (MPOB). **[Chart 3]**


**Chart 3: EPE for Agriculture sector, 2014-2020**



**PERFORMANCE OF EPE BY CONSTRUCTION SECTOR**

The Construction sector showed the largest contraction in EPE in 2020 at 45.2 per cent to RM88.4 million (2019: RM161.2 million). On average, the sector's contribution to the EPE from 2015 to 2019 was around 7.0 per cent and declined to 3.0 per cent in 2020. Based on Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB), the value of construction projects awarded fell 42.0 per cent to RM55.3 billion from January to October 2020 compared to RM94.6 billion in the same period previous year. The estimated loss suffered by the construction industry for the period March 18 (when the Movement Control Order commenced) to April 14, 2020 is approximately RM11.6 billion and another RM6.9 billion was recorded following the reopening of 13 subsectors from April 15 to May 1, 2020<sup>3</sup>.

**Chart 4: EPE for Construction sector, 2014-2020**




<sup>3</sup> <https://www.sinarharian.com.my/article/115841/BERITA/Nasional/Covid-19-tinggalkan-kesan-berpanjangan-ke-atas-industri-pembinaan>



## PERFORMANCE OF EPE BY SERVICES SECTOR

In addition, EPE by the Services sector also posted a decrease of 11.4 per cent to RM366.7 million compared to RM413.8 million in 2019. This decrease was driven by the decline in the capital expenditure component whereby in 2019, capital expenditure for the Services sector jumped almost four-fold to RM181.8 million (contribution 21.2%) from RM49.1 million (contribution 6.8%) in 2018. However, operating expenditure for environmental protection purposes recorded an increase of 13.3 per cent to RM262.8 million from negative 5.2 per cent (RM232.0 million) in the previous year.

Chart 5: EPE for Services sector, 2014-2020




On the other hand, EPE for the waste treatment and disposal activities performed better with an expenditure of RM162.7 million (2019: RM155.1 million), grew by 4.9 per cent. According to the Department of Environment (DoE), a total of 7,185.2 thousand metric tonnes of scheduled waste was generated in 2020, an increase of 79.0 per cent as compared to 4,013.2 thousand metric tonnes reported in 2019<sup>4</sup>. The COVID-19 outbreak in 2020 showed a 20.0 per cent increase in clinical waste from health facilities and government-gazetted COVID-19 quarantine centres, which is categorized as scheduled waste<sup>5</sup>. [Chart 6]

<sup>4</sup> Compendium of Environment Statistics, 2021

<sup>5</sup> <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sisa-klinikal-negara-meningkat-20-peratus-sejak-covid19-melanda-266542>

**Chart 6: EPE by waste treatment and disposal activities, 2015-2020**




### EPE PERFORMANCE BY STATE

Johor was the largest contributor to Malaysia’s EPE with a contribution of 27.2 per cent (2019: 23.5%), followed by Selangor with 17.8 per cent (2019: 18.8%) whereby the EPE for both states was dominated by the Manufacturing sector. The highest expenditure recorded in Johor was in the manufacturing of refined petroleum products with a contribution of 42.4 per cent to the Manufacturing sector in Johor. Selangor, on the other hand, recorded glove manufacturing activities as the main contributor with a contribution of 29.3 per cent to the Manufacturing sector in Selangor. Meanwhile, Terengganu improved its ranking to the third place as compared to eighth place in 2019 due to the spike in capital expenditure in manufacture of inorganic compounds, manufacture of crude palm oil and manufacture of basic organic chemicals subsectors. **[Table 2]**  
**[Chart 7]**

Table 2: EPE by State, 2019 and 2020

State	EPE (RM '000)		Annual Growth rate (%)	Share (%)		Rank	
	2019	2020		2019	2020	2019	2020
JOHOR	678,474	808,783	19.2	23.5	27.2	1	1
SELANGOR	543,455	530,436	(2.4)	18.8	17.8	2	2
TERENGGANU	126,597	236,448	86.8	4.4	8.0	8	3
SARAWAK	251,732	235,613	(6.4)	8.7	7.9	4	4
W. P. KUALA LUMPUR	292,570	223,988	(23.4)	10.1	7.5	3	5
PULAU PINANG	177,632	211,486	19.1	6.2	7.1	6	6
PAHANG	155,698	170,315	9.4	5.4	5.7	7	7
PERAK	93,303	122,630	31.4	3.2	4.1	10	8
SABAH	249,863	109,520	(56.2)	8.7	3.7	5	9
MELAKA	83,447	106,161	27.2	2.9	3.6	12	10
KEDAH	113,265	95,790	(15.4)	3.9	3.2	9	11
NEGERI SEMBILAN	91,805	84,634	(7.8)	3.2	2.8	11	12
